



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

SOALAN LAZIM
PROGRAM MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
A. Pengenalan Program Matrikulasi	2
B. Permohonan	9
C. Pengajian Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)	15
D. Pemilihan dan Penempatan	17
E. Peluang Pendidikan dan Kerjaya	21
F. Tawaran dan Pendaftaran	23
G. Rayuan	27
H. Penangguhan	29
I. Kebajikan	30
J. Pengajaran dan Pembelajaran	32

A. PENGENALAN PROGRAM MATRIKULASI

1. Bilakah Program Matrikulasi ditubuhkan dan apakah keistimewaannya?

Penubuhan Program Matrikulasi bermula hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 sebagai persediaan pelajar bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di universiti awam (UA) dalam bidang sains, teknologi dan profesional. Keistimewaan Program Matrikulasi ialah:

- a) Program ini diiktiraf oleh semua UA dan universiti swasta (US) serta turut diiktiraf oleh universiti terkemuka luar negara.
- b) Program ini menawarkan pendidikan yang menyeluruh merangkumi bidang akademik dan pembangunan kemahiran insaniah. Pelajar Program Matrikulasi berpeluang menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum dan ko-akademik sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- c) Lulusan Program Matrikulasi akan menerima Sijil Matrikulasi yang melayakkan mereka memohon berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pada Gred 29 dalam 39 skim perkhidmatan (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017).
- d) Kos pengajian dan penginapan dibiayai oleh Kerajaan. Semua pelajar Program Matrikulasi hanya perlu membayar yuran pendaftaran dan yuran Malaysian University English Test (MUET) sahaja semasa mendaftar.

- e) Terdapat 15 buah kolej matrikulasi di seluruh Malaysia dan 2 Kolej MARA yang mengendalikan Program Matrikulasi.

2. Apakah jurusan dan aliran yang ditawarkan serta tempoh pengajian?

Program Matrikulasi menawarkan lima jurusan iaitu:

- a) Jurusan Sains (Dua Semester dan Empat Semester):
 - i. Aliran Sains Hayat
 - ii. Aliran Sains Fizikal
 - iii. Aliran Sains Teknologi
- b) Jurusan Sains Komputer (Dua Semester):
- c) Jurusan Kejuruteraan (Dua Semester):
 - i. Aliran Asas Kejuruteraan
 - ii. Aliran Kejuruteraan Awam
 - iii. Aliran Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
 - iv. Aliran Kejuruteraan Mekanikal
- d) Jurusan Perakaunan (Dua Semester)
- e) Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro) (Dua Semester)

3. Apakah Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)?

JPPro mula diperkenalkan pada sesi 2018/2019 bagi melayakkan pelajar menjadi akauntan bertauliah dalam masa yang singkat.

4. Berapakah tempoh pengajian JPPro dan dimanakah kolej yang menawarkan jurusan ini?

Pelajar akan mengikuti JPPro di Kolej Matrikulasi Selangor (KMS) selama 1 tahun dan akan menyambung pengajian ke UiTM selama 2 ½ tahun.

5. Apakah jurusan yang ditawarkan di kolej matrikulasi?

- a) Jurusan Sains Sistem Dua Semester (SDS) ditawarkan di semua kolej matrikulasi dan Kolej MARA Kulim **kecuali** di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan dan Kolej MARA Kuala Nerang.
- b) Jurusan Sains Sistem Empat Semester (SES) ditawarkan di semua kolej matrikulasi **kecuali** di Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Matrikulasi Sarawak, Kolej MARA Kuala Nerang, Kolej MARA Kulim dan semua Kolej Matrikulasi Kejuruteraan.
- c) Jurusan Sains Komputer hanya ditawarkan di Kolej Matrikulasi Labuan, Kolej Matrikulasi Johor, Kolej Matrikulasi Perak dan Kolej Matrikulasi Kelantan.
- d) Jurusan Kejuruteraan **hanya** ditawarkan di:
 - i. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah
 - ii. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang
 - iii. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor
- e) Jurusan Perakaunan ditawarkan di semua kolej matrikulasi dan Kolej MARA Kuala Nerang **kecuali** Kolej Matrikulasi Kejuruteraan, Kolej Matrikulasi Sarawak dan Kolej MARA Kulim.
- f) Jurusan Perakaunan Profesional **hanya** ditawarkan di Kolej Matrikulasi Selangor.

6. Di manakah letaknya kolej matrikulasi?

Kolej matrikulasi seperti dalam senarai yang berikut:

- a) Perlis:

Kolej Matrikulasi Perlis

Kementerian Pendidikan Malaysia,

02600 Arau, Perlis.

Tel: 04-9868613

Laman Sesawang: <http://www.kmp.matrik.edu.my>

b) Kedah:

i. **Kolej Matrikulasi Kedah**

Kementerian Pendidikan Malaysia,

06010 Changloon, Kedah.

Tel: 04-9286100

Laman Sesawang: <http://www.kmk.matrik.edu.my>

ii. **Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah**

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Pokok Tai, 06720 Pendang, Kedah.

Tel: 04-4682508

Laman Sesawang: <http://www.kmkk.matrik.edu.my>

iii. **Kolej MARA Kuala Nerang**

Lot 556, Daerah Padang Terap,

06300 Kuala Nerang, Kedah.

Tel: 04-7867250

Laman Sesawang: <http://www.kmkn.edu.my>

iv. **Kolej MARA Kulim**

Jalan Junjong,

09000 Kulim, Kedah.

Tel: 04-4906422

Laman Sesawang: <http://www.kmkulim.edu.my>

- c) Pulau Pinang:
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
Kementerian Pendidikan Malaysia,
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
Tel: 04-5756090
Laman Sesawang: <http://www.kmpp.matrik.edu.my>
- d) Perak:
Kolej Matrikulasi Perak
Kementerian Pendidikan Malaysia,
31600 Gopeng, Perak.
Tel: 05-3594449
Laman Sesawang: <http://www.kmpk.matrik.edu.my>
- e) Kelantan:
Kolej Matrikulasi Kelantan
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Beg Berkunci No. 3,
16810 Selising, Kelantan.
Tel: 09-7808000
Laman Sesawang: <http://www.kmkt.matrik.edu.my>
- f) Pahang:
i. **Kolej Matrikulasi Pahang**
Kementerian Pendidikan Malaysia,
26300 Gambang, Pahang.
Tel: 09-5495000
Laman Sesawang: <http://www.kmph.matrik.edu.my>

ii. **Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang**

Kementerian Pendidikan Malaysia,
26400 Bandar Jengka, Pahang.

Tel: 09-4677103

Laman Sesawang: <http://www.kmkph.matrik.edu.my>

g) Selangor:

Kolej Matrikulasi Selangor

Kementerian Pendidikan Malaysia,
Kathong Mukim Jugra,
42700 Banting, Selangor.

Tel: 03-31201410

Laman Sesawang: <http://www.kms.matrik.edu.my>

h) Negeri Sembilan:

Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

Kementerian Pendidikan Malaysia,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Tel: 06-4841825

Laman Sesawang: <http://www.kmns.matrik.edu.my>

i) Melaka:

Kolej Matrikulasi Melaka

Kementerian Pendidikan Malaysia,
78300 Masjid Tanah, Melaka.

Tel: 06-3832000

Laman Sesawang: <http://www.kmm.matrik.edu.my>

j) Johor:

i. **Kolej Matrikulasi Johor**

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Jalan Payamas,

84900 Tangkak, Ledang, Johor.

Tel: 06-9781613

Laman Sesawang: <http://www.kmj.matrik.edu.my>

ii. **Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor**

Kementerian Pendidikan Malaysia,

KM 5, Jalan Kukup, Mukim Rimba Terjun,

82000 Pontian, Johor.

Tel: 07-6881629

Laman Sesawang: <http://www.kmkj.matrik.edu.my>

k) Wilayah Persekutuan Labuan:

Kolej Matrikulasi Labuan

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Peti Surat 81735, Jalan OKK Daud, Merinding,

87027 Wilayah Persekutuan Labuan.

Tel: 087-465311

Laman Sesawang: <http://www.kml.matrik.edu.my>

l) Sarawak:

Kolej Matrikulasi Sarawak

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Lot 216, Fasa II, Taman Perindustrian Sejingkat,

93457 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-439100

Laman Sesawang: <http://www.kmsw.matrik.edu.m>

B. PERMOHONAN

7. Bagaimanakah pelajar boleh memohon Program Matrikulasi?

Pelajar lepasan SPM 2024 boleh memohon ke Program Matrikulasi melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> bermula 1 Disember 2024 – 28 Februari 2025.

8. Adakah pelajar boleh mengemaskini permohonan selepas keputusan SPM dikeluarkan?

Ya. Pelajar boleh mengemaskini permohonan dalam tempoh yang ditetapkan selepas keputusan SPM diumumkan melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

9. Apakah syarat permohonan ke Program Matrikulasi?

a) Syarat am permohonan ialah:

- i. umur tidak melebihi 20 tahun semasa permohonan;
- ii. warganegara Malaysia; dan
- iii. pemohon mestilah calon SPM tahun semasa.

b) Syarat kelayakan minimum kemasukan ke Program Matrikulasi ialah memperoleh sekurang-kurangnya gred berikut dalam peperiksaan SPM 2024:

i. Jurusan Sains SDS

Bahasa Melayu	C
Bahasa Inggeris	C
Matematik	B
Matematik Tambahan	C

Kimia	C
Fizik/ Biologi	C
Sejarah	Lulus

ii. **Jurusan Sains SES**

Bahasa Melayu	C
Bahasa Inggeris	C
Matematik	C
Matematik Tambahan	Lulus
Kimia	Lulus
Fizik/ Biologi/ Sains Komputer	Lulus
Sejarah	Lulus

iii. **Jurusan Sains Komputer**

Bahasa Melayu	C
Bahasa Inggeris	C
Matematik	C
Matematik Tambahan	C
Sains Komputer	C
Sejarah	Lulus

Dan **satu** mata pelajaran berikut **C**:

Fizik/ Kimia / Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/
Teknologi Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/
Reka Cipta/ Sains Sukan/ Perniagaan/ Prinsip
Perakaunan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Tasawwur
Islam/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Lukisan
Kejuruteraan/ Ekonomi/ Pengajian Kejuruteraan
Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian
Kejuruteraan Elektrik & Elektronik.

iv. **Jurusan Kejuruteraan**

Bahasa Melayu	C
Bahasa Inggeris	C
Matematik	B
Matematik Tambahan	C
Fizik	C
Kimia	Lulus
Sejarah	Lulus

Dan **satu** mata pelajaran berikut **C**:

Biologi/ Kimia/ Asas Kelestarian/ Pertanian/
Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/
Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Geografi/
Grafik Komunikasi Teknikal/ Pendidikan Seni Visual/
Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Pendidikan Al-Quran
dan Al-Sunnah/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/
Pengajian Keusahawanan/ Perniagaan/ Pengajian
Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/ Pengajian
Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan
Mekanikal.

v. **Jurusan Perakaunan**

Bahasa Melayu	C
Bahasa Inggeris	C
Matematik	C
Sejarah	Lulus

Dan **tiga** mata pelajaran berikut **C**:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan/
Sains Komputer/ Sains/ Sains Tambahan/
Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/

Reka Cipta/ Sains Sukan/ Geografi/
Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/
Pengajian Keusahawanan/ Tasawwur Islam/
Usul Al-Din/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/
Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Al-Syariah/
Pendidikan Seni Visual/ Grafik Komunikasi Teknikal/
Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik
dan Elektronik/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/
Pengajian Kejuruteraan Awam/ Lukisan/ Rekabentuk
Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Reka Bentuk Grafik/
Multimedia Kreatif/ Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran

vi. **Jurusan Perakaunan Profesional**

Bahasa Melayu	C
Bahasa Inggeris	A-
Matematik	A
Matematik Tambahan	C
Sejarah	Lulus

Dan **tiga** mata pelajaran berikut **A:**

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Matematik Tambahan/
Sains Komputer/ Sains/ Sains Tambahan/
Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/
Reka Cipta/ Sains Sukan/ Geografi/
Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/
Pengajian Keusahawanan/ Tasawwur Islam/
Usul Al-Din/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/
Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah/
Pendidikan Seni Visual/ Grafik Komunikasi Teknikal/
Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik

dan Elektronik/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/
Pengajian Kejuruteraan Awam.

Dan **lulus** ujian aptitud dan termuduga yang
dilaksanakan oleh Bahagian Matrikulasi.

10. Bolehkah pelajar lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon Jurusan Perakaunan?

Boleh. Semenjak sesi 2021/2022, pelajar yang tidak mengambil Matematik Tambahan layak memohon Jurusan Perakaunan.

11. Selain daripada Jurusan Perakaunan, bolehkah pelajar lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon jurusan lain?

Tidak Boleh. Matematik Tambahan merupakan mata pelajaran **wajib** untuk memohon Jurusan Sains, Kejuruteraan dan JPPro.

12. Adakah pelajar tahfiz boleh memohon Program Matrikulasi?

Boleh. Mulai Sesi 2025/2026 pelajar tahfiz yang mengambil SPM semasa boleh memohon dalam Jurusan Sains, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan Profesional dan Jurusan Perakaunan.

13. Apakah yang dimaksudkan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran di Program Matrikulasi?

Mata Pelajaran Hifz Al-Quran adalah mata pelajaran wajib yang diambil oleh pelajar tahfiz pada semester I dan semester II bagi memperkukuhkan hafazan Al-Quran melalui kaedah pengulangan (muroja'ah).

14. Adakah pelajar tahfiz boleh meneruskan pengajian tahfiz di Program Matrikulasi?

Boleh. Mata pelajaran Hifz Al-Quran hanya ditawarkan bagi Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan di dua buah kolej matrikulasi (rujuk soalan No.25). Tawaran ini juga adalah tertakluk kepada kekosongan di kolej berkenaan.

15. Apakah syarat yang diperlukan untuk mengikuti Mata Pelajaran Hifz Al-Quran?

Antara syarat yang perlu dipenuhi oleh pelajar tahfiz yang berminat meneruskan pengajian tahfiz adalah seperti berikut:

- a) Syarat am;
- b) Syarat minimum bagi Jurusan Sains atau Perakaunan;
- c) Menghafaz sekurang-kurangnya 10 Juzuk Al-Quran; dan
- d) Mempunyai Sijil Tahfiz KPM/ Sijil Tahfiz Al-Quran MARA/ Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan KPM/ mana-mana sijil hafazan yang berdaftar dengan JAKIM atau Majlis/ Yayasan Agama Islam Negeri.

C. PENGAJIAN JURUSAN PERAKAUNAN PROFESIONAL (JPPro)

16. Apakah keistimewaan JPPro?

- Certified Accountant* (Akauntan bertauliah) pada umur 25 tahun;
- Kerjasama dengan UiTM, ACCA Malaysia dan diiktiraf oleh ACCA Global;
- Pelajar tamat dengan Sijil Matrikulasi dan layak menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Profesional di UiTM.
- Perbezaan laluan kerjaya bagi JPPro dengan laluan sedia ada adalah seperti berikut:



17. Apakah perbezaan antara Jurusan Perakaunan dengan Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)?

- Kursus yang dipelajari sepanjang tempoh pengajian
 - Jurusan Perakaunan – Matematik, Perakaunan, Ekonomi dan Pengurusan Perniagaan.
 - Jurusan Perakaunan Profesional – Matematik, Perakaunan Kewangan, Perakaunan Pengurusan dan Perniagaan dan Teknologi.

- b) Peluang ke bidang pengajian:
- i. Jurusan Perakaunan - Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Ekonomi, Pentadbiran Pengurusan Awam, Teknologi Maklumat, Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang dan lain-lain.
 - ii. Jurusan Perakaunan Profesional - Sijil Akauntan Bertauliah yang dianugerahkan oleh *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*, Perakaunan, Pengurusan, Ekonomi dan lain-lain.

18. Selepas tamat JPro di matrikulasi, pelajar tidak berminat untuk menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Profesional. Adakah pelajar boleh menyambung pengajian dalam bidang lain?

Boleh. Pelajar masih boleh menyambung pengajian dalam bidang lain pada peringkat ijazah pertama seperti perakaunan, pengurusan, ekonomi dan lain-lain.

19. Dimanakah pelajar akan menyambung pengajian selepas JPro Program Matrikulasi?

Pelajar akan menyambung pengajian dalam Program Perakaunan Profesional (ACCA) di UiTM Shah Alam.

D. PEMILIHAN DAN PENEMPATAN

20. Bagaimanakah pemilihan pelajar dibuat?

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan meritokrasi. Pengiraan merit akademik dan markah kokurikulum serta pendapatan keluarga. Manakala bagi JPPro **hanya** ditawarkan kepada pelajar Bumiputera dan pelajar perlu lulus ujian aptitud dan temu duga yang dilaksanakan oleh Bahagian Matrikulasi.

21. Bagaimanakah pengiraan merit dibuat?

Pengiraan merit mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Berikut adalah mata merit akademik berdasarkan Gred SPM:

Gred SPM	Merit Akademik
A+	25
A	24
A -	23
B+	22
B	21
C+	20
C	19
D	18
E	17
G	0

Berikut adalah contoh pengiraan merit bagi Jurusan Sains.

Mata pelajaran SPM	Keputusan SPM	
	Pelajar A (7A 2B)	Pelajar B (9A)
a. Bahasa Melayu	A+	A+
b. Bahasa Inggeris	A-	A+
c. Sejarah	B+	A+
d. Pendidikan Islam	B+	A+
e. Geografi	A-	A+
Mata pelajaran dikira merit		
a. Matematik	A+ (25)	A- (23)
b. Matematik Tambahan	A+ (25)	A- (23)
c. Kimia	A+ (25)	A- (23)
d. Fizik / Biologi	A+ (25)	A- (23)
Jumlah markah akademik	100	92
Markah Akademik (90%)	$100 \times \frac{90}{100} = 90$	$92 \times \frac{90}{100} = 82.8$
Markah Kokurikulum (10%)*	7.56	7.56
Jumlah Merit	97.56	90.36

*Markah 10% Kokurikulum diambil daripada Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Pengiraan merit bagi Jurusan Sains Komputer, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Kejuruteraan boleh rujuk kalkulator pengiraan merit di <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

Mata pelajaran SPM yang diambil kira bagi Jurusan Sains Komputer, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Kejuruteraan adalah seperti berikut:

Jurusan	Mata Pelajaran dikira merit
Jurusan Sains Komputer	a. Matematik b. Matematik Tambahan c. Sains Komputer d. Pilihan 1 (rujuk soalan 9.b.iii)
Jurusan Kejuruteraan	e. Matematik f. Matematik Tambahan g. Fizik h. Pilihan 1 (rujuk soalan 9.b.iv)
Jurusan Perakaunan	a. Matematik b. Pilihan 1 c. Pilihan 2 d. Pilihan 3 } (rujuk soalan 9.b.v)

22. Apa yang berlaku sekiranya pelajar tidak lulus ujian aptitud dan temu duga JPPro?

Pelajar **tidak** akan ditawarkan ke JPPro tetapi akan dipertimbangkan pilihan kedua sekiranya layak.

23. Bagaimanakah penempatan pelajar bagi Jurusan Kejuruteraan dan JPPro?

Pelajar dari semenanjung akan ditempatkan di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang dan Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor bagi Jurusan Kejuruteraan. Manakala pelajar dari Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan akan ditempatkan di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor. Bagi JPPro, semua pelajar ditempatkan di Kolej Matrikulasi Selangor.

24. Dimanakah kolej yang menawarkan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran?

Pelajar Tahfiz yang berminat meneruskan pengajian tahfiz di Program Matrikulasi akan ditempatkan di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan dan Kolej Matrikulasi Kelantan.

E. PELUANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA

25. Apakah bidang yang boleh diceburi di peringkat ijazah pertama bagi setiap jurusan yang ditawarkan?

- a) **Jurusan Sains**
 - i. **Sains Hayat** – Perubatan, Pergigian, Optometri, Farmasi, Sains, Kejuruteraan, Pendidikan, Teknologi Maklumat, Seni Bina, Kejururawatan, Sains Forensik, Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain.
 - ii. **Sains Fizikal** – Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pendidikan, Siber Sekuriti, Bioteknologi, R&D, *Artificial Intelligence* (AI) dan lain-lain.
 - iii. **Sains Komputer** – Teknologi Maklumat, Perubatan, Pergigian, Optometri, Farmasi, Siber Sekuriti, *Artificial Intelligence* (AI) dan lain-lain.
- b) **Jurusan Sains Komputer** – Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian, Teknologi Maklumat, Sistem Maklumat dan Sains Data.
- c) **Jurusan Kejuruteraan** – Kejuruteraan Awam/ Mekanikal/ Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Aeronautik, Kejuruteraan Petroleum dan Gas, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Seni Bina dan lain-lain bidang kejuruteraan.
- d) **Jurusan Perakaunan** – Keusahawanan, Pentadbiran Perniagaan, Kewangan dan Perbankan, Ekonomi dan Pemasaran, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Risiko dan Insurans, Komunikasi Massa dan lain-lain bidang perakaunan, ekonomi dan perniagaan.

- e) **Jurusan Perakaunan Profesional (JPro)** – Sijil Profesional *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) di UiTM.

F. TAWARAN DAN PENDAFTARAN

26. Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi?

Calon boleh menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi dalam tempoh 21 hari bekerja selepas keputusan SPM diumumkan melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

27. Pelajar memohon Program Matrikulasi, IPGM, asasi, diploma dan sebagainya. Adakah pelajar berpeluang ditawarkan lebih daripada satu tawaran?

Ya. Pelajar akan mendapat lebih dari satu tawaran sekiranya layak.

28. Apakah yang perlu pelajar lakukan untuk terima tawaran Program Matrikulasi?

Pelajar perlu:

- a) layari <https://matrikulasi.moe.gov.my>, klik butang setuju terima, muat turun dokumen dan ikuti langkah-langkah yang dinyatakan;
- b) membuat pembayaran yuran di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau secara dalam talian mengikut jumlah yang ditetapkan; dan
- c) mendaftar secara dalam talian mengikut kolej masing-masing.

29. Bagaimana kaedah pendaftaran pelajar baharu Program Matrikulasi?

Pendaftaran pelajar baharu akan dilaksanakan secara dalam talian mulai **bulan Mei 2025** (tertakluk kepada perubahan semasa). Pelajar perlu mendaftar di laman sesawang kolej masing-masing. Sekiranya anda mengalami masalah untuk mendaftar secara dalam talian, anda boleh menghubungi pihak kolej di talian seperti dalam Soalan No. 6.

Bagi pelajar tahfiz yang memilih Hifz Al-Quran sebagai mata pelajaran wajib perlu mengemukakan salinan Sijil Tahfiz KPM/ Sijil Tahfiz Al-Quran MARA/ Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan KPM/ mana-mana sijil hafazan yang berdaftar dengan JAKIM atau Majlis/ Yayasan Agama Islam Negeri semasa pendaftaran secara fizikal di kolej.

30. Apakah yuran yang perlu dibayar oleh pelajar Program Matrikulasi?

Hanya yuran pendaftaran dan yuran MUET sahaja yang dikenakan. Kos pengajian dan kos penginapan adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan kecuali JPro perlu membuat pembayaran tambahan untuk pembelian buku dan yuran peperiksaan ACCA. Perincian boleh rujuk soalan No.34 dan No. 35.

31. Berapakah yuran pendaftaran yang dikenakan kepada pelajar Program Matrikulasi?

- a) Perincian yuran pendaftaran bagi Kolej Matrikulasi adalah seperti berikut:

Jurusan	Pengajian Dua Semester	Pengajian Empat Semester
Sains	RM599.00*	Semester I: RM599.00*
		Semester III: RM284.00*
Kejuruteraan	RM546.00*	
Perakaunan		
Perakaunan Profesional (JPro)**		

Nota:

* Bayaran tambahan RM0.60 dikenakan oleh pihak BSN

** Bayaran tambahan untuk JPro:

Semester I – RM600.00 untuk pembelian buku

Semester II – RM2,224.00 untuk yuran peperiksaan ACCA.

(Tertakluk kepada perubahan nilai mata wang semasa)

- b) Yuran pendaftaran bagi Kolej MARA adalah tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh pihak MARA dan perincian yuran akan dimaklumkan di dalam surat tawaran.

32. Berapakah kadar bayaran MUET?

Kadar bayaran MUET sebanyak RM150.00 walau bagaimanapun kadar ini tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

33. Bolehkah pelajar mendapat semula yuran pendaftaran yang telah dibayar?

Rujuk Lampiran 1

G. RAYUAN

34. Bilakah pelajar boleh membuat rayuan sekiranya tidak mendapat tawaran kemasukan ke Program Matrikulasi?

Rayuan boleh dibuat **secara dalam talian sahaja** melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> selepas keputusan calon jaya diumumkan secara rasmi.

35. Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan rayuan ke Program Matrikulasi?

Keputusan rayuan boleh disemak melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>. Keputusan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

36. Pelajar memohon Jurusan Sains semasa mengisi borang permohonan secara dalam talian dan pelajar berjaya ditawarkan Jurusan Sains. Namun sekarang pelajar lebih berminat dengan Jurusan Perakaunan. Apa yang perlu pelajar lakukan?

Permohonan pertukaran jurusan adalah seperti berikut:

- a) Jurusan Sains SDS ke Jurusan Perakaunan – permohonan dibuat kepada Pengarah kolej masing-masing selepas mendaftar secara fizikal di kolej.
- b) **Selain** daripada Jurusan Sains ke Perakaunan – permohonan dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> pada **bulan Mei 2025**.
- c) Tarikh keputusan rayuan pertukaran jurusan akan dimaklumkan kemudian. Semakan boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

- d) Walau bagaimanapun kelulusan pertukaran adalah bergantung kepada kekosongan tempat, syarat kelayakan seperti dalam soalan no. 36 dan merit jurusan yang dipohon.

37. Bolehkah pelajar memohon pertukaran kolej?

- a) **Tidak.** Kecuali memenuhi syarat berikut:
- i. Pelajar memerlukan rawatan perubatan berkala disebabkan sakit kronik yang berpanjangan;
 - ii. Adik-beradik ditempatkan di kolej matrikulasi yang berlainan; atau
 - iii. Pertukaran waris pelajar dari Semenanjung ke Sabah/ Sarawak atau sebaliknya.
- b) Semua permohonan rayuan pertukaran kolej boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> selepas keputusan calon jaya diumumkan.
- c) Tarikh keputusan rayuan pertukaran kolej akan dimaklumkan kemudian. Semakan boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.
- d) Kelulusan pertukaran adalah bergantung kepada kekosongan.

38. Bagaimanakah aliran dalam Jurusan Sains ditentukan?

Penetapan aliran dalam Jurusan Sains ditentukan mengikut kolej masing-masing berdasarkan keputusan SPM. Sekiranya pelajar ingin memohon pertukaran aliran, pelajar boleh membuat rayuan terus kepada pengurusan kolej.

H. PENANGGUHAN

39. Bolehkah pelajar menanggung pendaftaran?

Tidak boleh. Kecuali atas masalah kesihatan, kemalangan dan lain-lain dengan merujuk pihak pengurusan kolej yang ditawarkan.

40. Adakah pelajar dibenarkan untuk menanggung pengajian?

Ya. Pelajar dibenarkan sekiranya mengalami masalah kesihatan kronik yang memerlukan rawatan berterusan.

- a) Walau bagaimanapun pelajar perlu mendaftar di kolej matrikulasi yang ditetapkan terlebih dahulu sebelum memohon penangguhan pengajian.
- b) Permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah kolej masing-masing.

I. **KEBAJIKAN**

41. Adakah pelajar perlu menginap di asrama sepanjang pengajian dalam Program Matrikulasi?

Ya. Semua pelajar **diwajibkan** menginap di asrama yang disediakan secara percuma.

42. Adakah bantuan pendidikan disediakan?

Bagi pelajar yang layak dengan had pendapatan isi rumah sebanyak RM10,000.00 ke bawah akan diberi bantuan sara hidup pelajar sebanyak RM1,250.00 setiap semester.

43. Bagaimanakah Bantuan Sara Hidup Pelajar (BSHP) akan disalurkan kepada pelajar?

Pembayaran akan dibuat terus ke akaun pelajar pada tarikh yang ditetapkan selepas dokumentasi telah disiapkan.

44. Adakah pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditawarkan pengajian Program Matrikulasi di Semenanjung diberikan bantuan tiket penerbangan?

- a) Pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditawarkan pengajian Program Matrikulasi di semenanjung layak membuat tuntutan tiket penerbangan pergi dan balik sekali sepanjang tahun pengajian. Pelajar perlu membeli tiket penerbangan terlebih dahulu dan membuat tuntutan selepas pembelian di kolej masing-masing.
- b) Walau bagaimanapun, pelajar Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditempatkan di Kolej Matrikulasi Sarawak atau

Kolej Matrikulasi Labuan tidak layak membuat tuntutan tiket penerbangan.

45. Adakah pelajar akan dikenakan penalti jika berhenti sebelum tamat pengajian Program Matrikulasi?

Ya. Pelajar dikehendaki membayar penalti (jumlah BSHP yang diterima) sekiranya pelajar menarik diri atau meninggalkan pengajian sebelum menyempurnakan pengajian itu tanpa **mendapat kelulusan** daripada Kerajaan terlebih dahulu mengikut Fasal 7 yang dinyatakan dalam Perjanjian Pembiayaan Pelajar Program Matrikulasi (PPM/BM.1/99-Pin-4).

J. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

46. Bila dan bagaimanakah Minggu Pengurusan Pelajar Baharu dilaksanakan?

Minggu Pengurusan Pelajar Baharu akan dilaksanakan bermula pada **bulan Jun 2025**.

47. Apakah pakej kursus yang ditawarkan dalam Program Matrikulasi?

Kursus yang ditawarkan dalam Program Matrikulasi adalah:

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
Sains	Sains Hayat	<ul style="list-style-type: none">• Matematik• Kimia• Fizik• Biologi	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa Inggeris• Pengajian Am Matrikulasi• Pendidikan Islam/ Moral• Kokurikulum/ Hifz Al-Quran
	Sains Fizikal	<ul style="list-style-type: none">• Matematik• Kimia• Fizik• Sains Komputer	
	Sains Teknologi	<ul style="list-style-type: none">• Matematik• Kimia• Biologi• Sains Komputer	
Sains Komputer	-	<ul style="list-style-type: none">• Matematik• Pengaturcaraan Komputer• Asas Pangkalan Data• Teknologi Digital	

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
Kejuruteraan	Asas	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik • Kimia • Fizik • Asas Kejuruteraan 	
	Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik • Kimia • Fizik • Kejuruteraan Awam 	
	Elektrik dan Elektronik	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik • Kimia • Fizik • Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik 	
	Mekanikal	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik • Kimia • Fizik • Kejuruteraan Mekanikal 	
Perakaunan	-	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik • Perakaunan • Ekonomi • Pengurusan Perniagaan 	
Perakaunan Profesional	-	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik • Perakaunan Kewangan • Perakaunan Pengurusan • Perniagaan dan Teknologi 	

48. Bagaimanakah pencapaian akademik pelajar dinilai?

Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan kaedah seperti berikut:

- a) Penilaian Berterusan (PB) – tugas individu/kumpulan, laporan amali, esei, pembentangan, ujian praktikal, forum dan lain-lain.
- b) Ujian Penilaian Sumatif (UPS).
- c) Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM).

Sistem Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akademik pelajar.

49. Apakah syarat kelayakan pelajar untuk menerima Sijil Matrikulasi?

Pelajar layak menerima Sijil Matrikulasi jika memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- a) Berdaftar sebagai pelajar Program Matrikulasi.
- b) Mengambil sekurang-kurangnya empat kursus teras dan empat kursus wajib yang ditetapkan di Program Matrikulasi.
- c) Menamatkan pengajian Program Matrikulasi dalam tempoh yang ditetapkan.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kemas kini pada 27 November 2024**

LAMPIRAN 1

PERINCIAN JUMLAH PEMULANGAN SEMULA YURAN PENDAFTARAN DAN YURAN MUET PELAJAR

BIL.	PERKARA	SAINS		KEJURUTERAAN	PERAKAUNAN	PERAKAUNAN PROFESIONAL	MENGULANG
		SDS & SES (SEM I)	SES (SEM III)				
JUMLAH (RM) / STATUS BAYARAN BALIK							
Yuran Pendaftaran		599.00	284.00	599.00	546.00	546.00	284.00
Yuran MUET		150.00	-	150.00	150.00	150.00	-
1.	Pelajar telah membuat pembayaran yuran tetapi menarik diri sebelum mendaftar secara fizikal – kolej perlu membuat bayaran penuh yuran yang telah dibayar (kecuali caj BSN).	Pemulangan penuh	Pemulangan penuh	Pemulangan penuh	Pemulangan penuh	Pemulangan penuh	Pemulangan penuh
2.	Pelajar telah membuat pembayaran yuran tetapi menarik diri selepas mendaftar secara fizikal dan sebelum kolej membuat bayaran MUET kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) – kolej hanya membuat pemulangan bayaran yuran MUET sahaja (Pelajar diminta untuk mengambil peralatan MPPB berkaitan).	Pemulangan MUET sahaja	Tiada pemulangan	Pemulangan MUET sahaja	Pemulangan MUET sahaja	Pemulangan MUET sahaja	Tiada pemulangan
3.	Pelajar telah membuat pembayaran yuran tetapi menarik diri selepas mendaftar secara fizikal dan bayaran MUET telah dibuat kepada MPM, pelajar tidak boleh menuntut semula semua yuran pendaftaran.	Tiada pemulangan	Tiada pemulangan	Tiada pemulangan	Tiada pemulangan	Tiada pemulangan	Tiada pemulangan

Nota: Pemulangan yuran bagi Pelajar Kolej MARA bergantung kepada keputusan pihak MARA. Sebarang pertanyaan boleh berhubung pihak kolej MARA.